

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [ MERBOK ]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan kewajaran meminda Undang-Undang Seksyen 23(2) Akta Pengangkutan Jalan 1987 iaitu kesalahan menggunakan cukai jalan perdagangan pada kenderaan lain.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Penetapan fi Lesen Kenderaan Motor (LKM) atau cukai jalan bagi sesebuah kenderaan adalah ditentukan mengikut kriteria-kriteria berikut:

- (i) kapasiti enjin;
- (ii) kawasan isytihar/penggunaan (Semenanjung, Sabah, Sarawak, Pulau Langkawi, Pulau Labuan);
- (iii) jenis milikan (individu atau syarikat);
- (iv) tujuan kegunaan (persendirian, barangan, perkhidmatan awam); dan
- (v) bahan bakar (petrol, diesel, elektrik).

2. Seksyen 23(2) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 telah memperuntukkan, adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya kenderaan yang didaftar dan dilesenkan bagi tujuan kegunaan tertentu, namun kenderaan tersebut diguna pakai bagi penggunaan yang lain. Sebagai contoh, kenderaan yang didaftar dan dilesenkan atas kenderaan persendirian tidak boleh digunakan bagi tujuan mengangkut barangan (kenderaan barangan) atau perkhidmatan awam.

3. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pindaan terkini terhadap Seksyen 23(2) tersebut pernah dilaksanakan pada tahun 2011 melibatkan peningkatan denda iaitu “tidak melebihi sepuluh ribu ringgit” berbanding sebelumnya “tidak melebihi dua ribu ringgit”. Tindakan penguatkuasaan bagi kesalahan salah guna LKM ini sentiasa dilakukan oleh JPJ dan PDRM mengguna pakai punca kuasa sedia ada.

4. Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia pada masa ini belum bercadang untuk meminda Seksyen 23(2) APJ 1987 tersebut. Walau bagaimanapun, pihak Kerajaan dalam perancangan untuk meminda Akta bagi memperketat lagi peraturan penyalahgunaan LKM khususnya yang melibatkan kesalahan pengisytiharan kegunaan kenderaan.

Sekian, terima kasih.